

ADAT DAN TATASUSILA MELAYU DARI PERSPEKTIF KARYA AGUNG “ADAT RAJA-RAJA MELAYU”

Datuk Zainal Abidin bin Borhan
Yayasan Karyawan

1.0 Kertas kerja ini akan secara khusus menelaah satu naskhah bernama “Adat Raja-Raja Melayu” yang telah dikarang oleh Datuk Zainuddin seorang Kapitan Melayu pada 1193H atau 1779M semasa Melaka dikuasai oleh Melaka. Naskhah ini ditulis lantaran permintaan Gabenor Belanda De Bruyn kerana beliau ingin mengetahui tentang adat raja-raja dan para pembesar pada masa lalu. Dengan dibantu oleh Lebai Muhit dari Tengker, Datuk Zainuddin dapat menulis mengenai adat istiadat tersebut. Datuk Zainuddin dan Lebai Muhit telah menyelamatkan maruah orang Melaka pada masa itu daripada dimalukan kerana ada yang tidak tahu tentang adat istiadat raja-raja Melayu. (Panuti Sudjiman, 1982:10).

Oleh kerana naskhah tersebut ditulis sekitar 268 selepas Melaka kalah kepada Portugis (1511-1641), kemudian Melaka dikuasai Belanda (1641-1795, 1798-1824), maka lazimnya jika negara kalah, rajanya berundur bersama-sama dengan segala seluruh perangkat atau regalia kebesaran dan segala adat istiadat ke wilayah atau negeri yang baru.

Menurut Panuti terdapat 10 naskhah Adat Raja-Raja Melayu yang dikenal-pasti. Terdapat dua naskhah di Singapura, satu di Raffles Museum dan satu lagi di National Library Archives. Tiga naskhah di School of Oriental and African Studies, dua naskhah di Royal Asiatic Society of London. Satu salinan dari Royal Asiatic Society di Perpustakaan University of Leiden, satu di Museum Pusat Jakarta dan satu lagi di Bibliotheque Nationales di Paris. Kesemua naskhah ditulis dalam tulisan Jawi.

Yayasan Karyawan telah memperolehi dua salinan naskhah “Adat Raja-Raja Melayu” versi SOAS dan versi PNI. Salinan naskhah SOAS diperolehi dengan bantuan Profesor Dr. Jelani Harun, manakala salinan dari PNI diperolehi dengan bantuan Profesor Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria Ghazali. Yayasan Karyawan telah melantik Datuk Dr. Zainal Kling untuk mengedit dan menulis satu esei pengenalan mengenai adat istiadat yang terkandung di dalam naskhah tersebut.

Yayasan Karyawan juga turut menyedari bahawa naskhah ini telah dirumikan atau ditransliterasi oleh Tardjan Hadidjaja (1952) dan Profesor Panuti Sudjiman (1982). Profesor Panuti Sudjiman mengkaji naskhah ini dari sudut linguistik untuk tesis doktoral beliau.

Naskhah ini digolongkan sebagai sastera undang-undang oleh Abu Hassan Sham dan Mariyam Salim (1995, xxiii), lantaran terdapatnya peraturan-peraturan dan adat istiadat. Penggolongan atau pengkategorian dibuat kepada dua, iaitu Adat Perpateh dan Adat Temenggong. Abu Hassan dan Mariyam juga memasukkan segala sumber tradisi lisan seperti pepatah-petitih, teromba atau tombo adat sebagai sebahagian daripada Hukum Kanun Melaka; di samping memuatkan naskhah atau teks Undang-Undang Laut Melaka dan Undang-Undang Melaka (Hukum Kanun Melaka).

Secara diskriptif naskhah ini secara khusus mendokumentasikan “adat raja”, yang telah mentradisi ratusan tahun, kerana asal-usul adat ini datang dari tanah Palembang, seperti yang

terungkap di dalam Sulalat us-Salatin atau Sejarah Melayu. Sistem adat raja ini diletakkan oleh raja bukannya berasaskan tokoh legendaris Datuk Perpateh Nan Sebatang mau pun Datuk Kertamanggongan atau Datuk Temenggong Bendahara Kaya. Naskhah Sulalatus Salatin dan Hukum Kanun Melaka secara jelas menetapkan pelaksanaan “adat raja” ini. Wilkinson (Hooker, 1970: 6-37) dan Abdullah Siddik (1975: 158) berpendapat adat raja ini berasal dari Palembang (Sriwijaya).

Perlu diinsafi bahawa diskripsi mengenai adat raja atau adat-adat raja atau adat istiadat raja ini telah banyak diungkap di dalam pelbagai naskhah atau karya agung Melayu seperti Hikayat Raja Pasai, Sulalat us-Salatin, Hikayat Aceh, Hikayat Misa Melayu, Hukum Kanun Melaka, Hikayat Pahang, Hukum Kanun Pahang dan lain-lain. Namun begitu seluruh adat raja atau adat istiadat raja berkenaan berasal-usul dari Palembang berpindah ke Bintan, kemudian ke Temasek dan akhirnya ke Melaka, yang kemudian berlanjutan ke Johor dan Perak. Adat raja inilah yang digunakan untuk mengatur dan memerintah negeri termasuk juga segala adat istiadat yang dilaksanakan untuk menjelaskan segala kebesaran dan kedaulatan raja-raja Melayu.

Makalah ini akan cuba memaparkan dua aspek iaitu adat raja seperti yang digambarkan pengarang di dalam beberapa fasal atau bab, dan aspek tatasusila seperti yang terdapat di dalam fasal ‘Asal Mulanya Nama Melayu’. Kedua-dua aspek ini menggambarkan citra keunggulan budaya tinggi Melayu seperti yang diungkapkan oleh karya agung Adat Raja-Raja Melayu.

2.0 Sebelum meneroka lebih lanjut mengenai ‘adat dan adat istiadat raja’ dan segala tatasusila yang berhubungan dengannya, maka adalah wajar didahulukan pengertian dan makna adat seperti makna difahami oleh ideologi, pemikiran dan pandangan dunia Melayu, yang barangkali sudah mengalami perubahan atau sudah tidak dimengertikan lagi dan terus dilupakan.

Adat sebagai satu konsep seperti yang difahami oleh orang Melayu amat umum dan luas maknanya serta pembahagian atau pengkategorianya. Apa jua yang diatur dan disusun oleh orang Melayu digolongkan sebagai adat, walau pun secara generik adat bermaksud budaya pada masa kini, malah konsep adat pada masa kini dipersempitkan kepada adat istiadat sahaja, atau di dalam hal-hal tertentu konsep istiadat juga bermakna protokol.

Di mana jua di Alam Melayu, orang Melayu mengkonsepsikan fenomena budaya mereka sebagai ‘ini adat kami’ atau ‘ini cara kami’. Konsepsi yang luas ini meliputi segala sifat semula jadi atau kefitrahan atau yang primordial yang meliputi hal-hal berhubungan kemutlakan dan kenisbian; sistem hukum dan peraturan; sistem sosial dan struktur sosial; sistem kepercayaan dan segala peringkat keupacaraan; organisasi dan institusi sosial; ekspresi sosial dan kesenian; kesantunan dan kesusilaan; kebiasaan dan kelaziman, pertimbangan dan segala keputusan, sistem ukur, keluasan dan timbangan, dan apa jua unsur-unsur kehidupan yang dilakukan oleh orang Melayu.

Oleh kerana terlampau luas cakupan konsepsi adat ini, maka terdapatnya konsep-konsep yang sehubungan dengannya seperti: adat alam, adat raja, adat bernegeri, adat berkampung, adat berpenghulu, adat berperaturan, adat orang tua, adat orang bersemenda, adat orang berlaki-bini, adat orang muda, adat belajar, adat berguru, adat makan, adat berpakaian, adat berkebun, adat bersawah, adat berbahasa atau adat bercakap (sambaan cakap) dan sebagainya. Begitu jugalah setiap kebiasaan dan setiap perlakuan, digolongkan sebagai adat.

Kehidupan beradat ialah matlamat yang hendak dicapai, iaitu satu kehidupan yang rukun, beradab, teratur dan sejahtera, menghindari kehidupan yang kacau bilau. Mengatur kehidupan dengan adat bertujuan untuk mencapai matlamat tersebut. Adat merupakan struktur terpenting di dalam hubungan sosial Melayu yang menegaskan apakah yang boleh dilakukan dan yang tidak boleh dilakukan, di samping mencorak sahsiah, akhlak, tata kelakuan dan tatasusila anggota masyarakat. Adat sebagai struktur terpenting adalah binaan yang mengukuhkan keperibadian anggota budaya dan masyarakat. Seseorang yang ‘tahu adat’ atau ‘beradat’ atau ‘cukup ajar’; berbeza dengan yang ‘tak tahu adat’ atau ‘tak beradat’ atau yang ‘tak gheti bahasa’ atau ‘kurang ajar’. Oleh itu adat ialah kehalusan perlakuan yang ditata atau ditempa melalui proses sosialisasi dan enkulturasi yang telah ditata dan ditempa oleh para pemimpin adat untuk melahirkan manusia adat yang bermoral, berakhlak dan beretika. ‘Rosak kelapa jika salah kukur, rosak manusia jika salah atur’.

Para pemimpin adat di Minangkabau, Negeri Sembilan dan Naning (Melaka Utara) telah sepakat mengkategorikan adat itu kepada beberapa jenis yang merupakan ‘*a total concept*’ yang menjelaskan kebudayaan dan ketamadunan Melayu. Pertama, ‘adat yang sebenar adat’, iaitu hukum alam, hukum tabii, sunnatullah atau semula jadi dan ada unsur kemutlakan dan kenisbian. Kedua, ‘adat yang diadatkan’, merujuk kepada segala hukum peraturan dan undang-undang. Hidup beradat ialah hidup berperaturan dan normatif. Pimpinan adat diberi kuasa oleh adat untuk menghukum dan menegakkan keadilan serta kebenaran yang berpaksikan “biar mati anak jangan mati adat”. Hukum adat berubah kerana dibina atas prinsip muafakat.

Ketiga, ‘adat yang teradat’, bermaksud kehidupan beradat diwujudkan atas prinsip muafakat, berdasarkan ‘patah tumbuh hilang berganti’. Dalam masyarakat ada yang dipilih, dilantik, diangkat atau ditunjuk jadi pemimpin untuk memimpin anggota adat dan untuk melaksanakan peraturan adat. Maka oleh kerana itu adat istiadat mengangkat raja, mengangkat penghulu, ketua adat, Dato’ Lembaga dan Buapak, yang dilaksana dengan istiadat yang tersendiri yang penuh protokol. Keempat, ‘adat istiadat’, setiap manusia menempuh dan melalui kitaran atau pusingan kehidupan yang disebut dalam bidang ilmu antropologi sebagai ‘*rites de passage*’, seperti beranak, kahwin dan kematian. Adat istiadat berubah sesuai dengan tuntutan zaman. Kelima, ‘adat resam’, segala kebiasaan, perlakuan, sambaan cakap dan sebagainya yang juga turut berubah sesuai dengan tuntutan zaman.

3.0 Sebelum dibincangkan secara khusus naskhah ‘Adat Raja-Raja Melayu’, perlu diinsafi bahawa seluruh ‘adat raja’ itu berasal-usul, bertali lagi bersiratan dengan kemaharajaan Sriwijaya yang kemudian disambung oleh kemaharajaan Melaka seperti mana diungkapkan oleh ‘Sulalat us-Salatin/Sulalat u’s-Salatin/Sulalatus Salatin/Sejarah Melayu’. Adat raja bermula dengan segala gambaran asal muasal dari keturunan Iskandar Zulkarnain, yang kemudian diabsahkan kedaulatan melalui persetiaan atau waad antara Sang Saperba/Sri Tri Buana yang mewakili golongan raja dengan Demang Lebar Daun yang mewakili golongan rakyat. Keabsahan dan kedaulatan tersebut dilengkapkan pula dengan pandangan dunia bahawa raja ialah ‘khalifat ul-ardh’ (wakil Tuhan di muka bumi) atau ‘dzil Allah fil alam (bayangan Tuhan di muka bumi).

Hukum Kanun Melaka (Abu Hassan Sham dan Mariyam Salim,1995:48) merakamkan bahawa, “.. maka inilah satu risalah pada menyatakan hukum qanun, iaitu segala negeri yang besar-besar pada adat yang takluk... supaya manfaat atas negeri dan raja-raja itu..”. Selanjutnya

di halaman 49, merakamkan bahawa, “Adapun ketahu oleh mu akan adat ini turun temurun daripada Sultan Iskandar Zulkarnain....”. Sulalat us-Salatin pula merakamkan bahawa di Singapura segala adat zaman purbakala dimulakan, iaitu apabila Sri Tri Buana mangkat anakanda baginda Raja Kecil Besar menggantikan baginda di atas kerajaan. Raja Kecil Muda diangkat sebagai Bendahara. Raja Kecil Besar turut melantik Demang Lebar Daun sebagai Perdana Menteri yang duduk berseberangan dengan Bendahara.

Raja turut melantik Penghulu Bendahari, Menteri-menteri, Orang Besar-Besar, Ceteria, Sida-Sida, Hulubalang, Bentara dan Orang Kaya-Kaya. Setiap orang dengan martabat raja, dan martabat serta darjat diperolehi dari anugerah Raja (Abdul Samad Ahmad, Sulalat us-Salatin, 1995: 42). Para Biduanda dilantik sebagai orang suruhan raja dan pembawa segala perangkai peralatan kebesaran raja atau regalia. Mereka semua ialah orang terpilih dan dipilih dari orang yang baik-baik dan berbangsa.

Di zaman Sultan Muhamad Syah naik kerajaan, “Baginda yang pertama-tama meletakkan kekuningan larangan, tidak dapat dipakai oleh orang keluaran...”. Hukum Kanun Melaka (hal. 49) pula menyatakan, “Fasal yang pertama menyatakan adat majlis segala raja-raja dan pakaian segala raja-raja dan segala larangan raja... bahawa tiada boleh memakai seperti kekuningan dan kepada segala orang besar sekali pun jika tiada dengan kurnia dengan segala raja-raja, maka ia itu dibunuh hukumnya.”

Baginda juga menetapkan, “Bermula dengan orang yang beremas, bagaimana sekali pun kayanya, jikalau tiada dianugerahi raja tidak boleh dipakai, apabila sudah dianugerahi barang sekali jua pun, dapatlah dipakai selamanya”. Sultan juga menetapkan peraturan berpakaian dan berkeris untuk masuk ke istana. “Dan jikalau orang masuk ke dalam jika tiada kain berpancung, dan berkeris di hadapan, dan bersebai, tiada dapat masuk, dan apabila berkeris di belakang masuk ke dalam, dirampas oleh penunggu pintu”.

Sulalat us-Salatin juga mengungkapkan bahawa Sultan Muhamad Syah menetapkan bahawa, “Dan dilarang berbuat rumah bermanjangan bertiang gantung, tiada terletak ke tanah, bertiang terus dari atap, dan berperanginan; dan jikalau perahu, bertingkap berpenghadapan; dan tiada dapat orang memakai penduk dan teterapan keris; sebesar-besar orang keluaran tiada dapat bergelang kaki emas, dan jikalau berkeroncong emas berkepala perak tiada boleh” (Sulalat us-Salatin: 70). Juga tersebut di dalam Sulalat us-Salatin bahawa Raja Kassim yang bergelar Sultan Muzaffar Syah telah menyuruh membuat kitab undang-undang supaya jangan bersalahan lagi segala hukum menteri (hal. 81).

Sulalat us-Salatin (hal. 112) juga menggambarkan kebesaran Sultan apabila Sultan Mansur Syah ke Jawa. Di dalam adat raja, apabila raja keluar negeri diiring oleh raja-raja lain. Sultan Mansur diiring oleh Sultan Inderagiri, Sultan Tungkal, Sultan Jambi, Sultan Palembang dan Sultan Lingga.

Kekuasaan sesebuah kerajaan berpusat kepada kuasa raja sebagai teras utama pemerintahan. Kekuasaan juga diperkukuhkan serta dilengkapi dengan unsur kedaulatan yang khas sesuai dengan pandangan dunia dan ideologi sosio-budaya Melayu pada masa itu. Sebagai teras dan pusat kekuasaan, raja disokong oleh jentera pemerintah iaitu sistem birokrasi yang dilantik oleh raja, di samping memiliki martabat dan darjat yang dianugerah oleh raja. Kebesaran dan kedaulatan seorang raja didokong pula oleh raja-raja lain yang di bawah jajahan takluk seorang raja yang besar. Raja yang besar memiliki “mandala” (Wolters, 1999) yang

tersendiri, seperti Sultan Melaka yang diiringi oleh Sultan Inderagiri, Sultan Tungkal dan lain-lain sewaktu meminang Puteri Jawa. Setiap sultan memiliki kebesarannya dan kebesaran tersebut diinstitusikan melalui peraturan adat, hukum kanun dan adat istiadat.

4.0 Secara lazimnya diketahui umum bahawa sistem birokrasi Istana Melayu berhiraki dengan sultan dipuncak hiraki yang kemudian diikuti oleh Bendahara, Temenggung, Penghulu Bendahari, dan para menteri. Hukum Kanun Melaka (hal. 48) menyebut bahawa birokrasi itu diketuai oleh Bendahara dan diikuti oleh Temenggung, Penghulu Bendahari dan Syahbandar. Manakala Adat Raja-Raja Melayu (Sudjiman, 60) pula menyebut Bendahara, Temenggung, Tun Narawangsa dan Raja Indera Bongsu.

Struktur dan organisasi sosial yang telah diatur merupakan sebahagian daripada adat dan kebesaran raja, yang telah ditetapkan oleh adat raja yang ditugaskan membantu raja/sultan. Adat Raja-Raja Melayu (Hadidjaja, 59) memulakan tentang risalah mengenai “..... peraturan dan keturunan daripada bangsa raja-raja dan menteri dan mahkota dan bangsa biduanda dan sida-sida dan tebil-tebil dan perwira dan anak cheteria dan anak hulubalang..” Golongan ini disebut oleh Adat Raja-Raja Melayu sebagai orang yang telah ‘dibangsakan’ atau dijeniskan sebagai ‘bangsa yang ketinggian’.

Selanjutnya Adat Raja-Raja Melayu (Hadidjaja, 59) menyatakan bahawa kedaulatan dan keabsahan raja yang berasal dari keturunan Iskandar Zukarnain kerana ‘segala raja yang asal-asal lagi bangsawan di atas sekalian menjadi raja’. Raja dikonsepsikan sebagai ‘gembala akan segala manusia yang di dalam takluk pegangan raja’. Penguasa atau raja ialah ‘penggembala’ atau ‘tuan’ yang bertanggungjawab kepada Allah s.w.t. atas gembalaan mereka. Seorang raja berdaulat ialah seorang raja yang memiliki ‘tuah’ menurut Adat Raja-Raja Melayu. Kesan dari tuah itu rakyat menurut perintah raja, memuji kelakuan raja, dan redha menerima hukumannya. Raja yang berdaulat memiliki budi pekerti yang baik, menyebabkan rakyat bertambah kasih kepada raja, dan nama raja serta negeri akan bertambah masyhur di negeri asing.

Adat Raja-Raja Melayu (hal. 60) mengungkapkan bahawa seorang raja itu perlu mahir empat perkara; pertama, ‘tua hati betul’ bermakna pertimbangan atau budi bicara. Kedua, bermuka manis; ketiga berlidah fasih; dan keempat, bertangan murah. Apabila seorang raja melaksanakan hukum juga melibatkan empat perkara; pertama, adil; kedua, mengasihani; ketiga, hukum dengan kekerasan; dan keempat, berani.

Adat Raja-Raja Melayu juga memperhaluskan makna ‘orang yang berbangsa’. Jika seseorang raja mempunyai dua orang putera, seorang lelaki dan seorang perempuan, putera yang lelaki bakal menjadi raja selepas ayahandanya mangkat. Jika raja isteri walaupun seorang hamba Habshi (hal. 71) sekali pun, anak mereka tetap berbangsa raja. Jika putera raja berkahwin dengan yang bukan berbangsa raja atau kurang dari itu, anak yang diperolehi dari perkahwinan tersebut dinamakan ‘bangsa mahkota’ (hal. 71). Jika saudara mahkota yang perempuan bersuami dengan yang kurang dari bangsanya sendiri, jika beroleh anak, anak dinamakan ‘bangsa biduanda’ (hal. 71). Jika ibunya biduanda berkahwin dengan orang keluaran anaknya ‘cheteria’. Jika ibunya cheteria bapanya orang kebanyakan atau orang am, anaknya ‘periai’ (hal. 71), juga dikenali sebagai bangsa ‘perwara’. Jika ibunya perwara, bapanya orang am atau orang kebanyakan, anaknya ‘sida’. Jika ibunya sida, bapanya orang kebanyakan, anaknya ‘hulubalang’.

Adat Raja-Raja Melayu (Sudjiman, 141-142) menyatakan bahawa di bawah hirarki seorang raja ialah ‘menteri yang empat’. Seseorang menteri yang memiliki ‘nama rencana yang asli’ iaitu Paduka, Seri, Maha, dan Raja, maka oleh sebab itu bergelar Bendahara Paduka Seri Maharaja. Gelar tertinggi yang dianugerahkan kepada seorang Bendahara oleh Raja kerana seorang Bendahara bererti ‘tempat perbendaharaan segala rahsia raja’. Seorang Bendahara juga ialah seorang Mangkubumi, iaitu ‘yang memerintah, memberi kebajikan atas bumi yang diselenggara raja’. Bendahara Paduka Seri Maharaja juga ditugaskan mengapit Raja Muda. Seorang menteri yang tunggal yang menguasai empat gelaran menteri.

Gelaran empat menteri meliputi Paduka Raja, Paduka Seri Perdana Menteri, Paduka Maharaja dan Paduka Maha Menteri. Sesiapa yang bergelar Paduka Raja bakal menjadi Bendahara. Terdapat juga seorang menteri yang memakai gelar Seri dan Maha tergolong sebagai menteri yang delapan atau istilah sekarang disebut sebagai ‘orang besar delapan’. Jika awal nama gelaran itu raja, maka digolongkan sebagai ‘menteri enam belas’.

Mereka yang bergelar Tun, Sang, Hulubalang, Panglima, Penghulu, Ni, Kujang, dan Bandil tidak memiliki darjat menteri. Setiap gelaran Seri, Maha, Raja dan Paduka merupakan anugerah raja. Seluruh gelaran dari anugerah raja memberikan status sosial. Adat raja yang menentukan setiap kedudukan dan darjat. Raja yang mengatur segala peraturan, segala istiadat dan segala kedudukan serta darjat dalam struktur sosial masyarakat pada masa itu.

Adat Raja-Adat Melayu (hal. 144-145) menyatakan bahawa, “... jika raja mengurniakan persalinan kepada kita, maka hendaklah diambil dan kenakan pada tubuh, yakni hendaklah memakai persalinan tersebut pada majlis Baginda itu, serta memberi hormat kepada Raja. Jika tidak pakai pun boleh, tiada menjadi keji. Akan tetapi kata Melayu kurang adab namanya”.

Namun jika diteliti daripada segala upacara atau istiadat yang dilakukan seperti perkahwinan, tersenarai orang yang diundang dan yang terlibat untuk menjalankan titah di raja. Raja dan permaisuri, Raja Besar Muda dan isteri perlu dimaklum perkenan untuk setiap istiadat perkahwinan di istana. Yang menjalankan tugas melaksana istiadat perkahwinan ialah Bendahara, Temenggong, Tun Narawangsa, Raja Indera Bongsu, Laksamana, Penghulu Balai, Penghulu Bendahari Yang di Dalam, Penghulu Bendahari Yang di Luar, Paduka Raja, Orang Kaya Setia Bakti, Datuk Bijaya Pekarma, Datuk Paduka Tuan, Maharaja Indera, Tun Bija Pekarma, Batin, Penghulu, Jenang, Bentara, Maharaja Indi (Kapitan Keling), Kapitan Cina, Menteri, Hulubalang, Pegawai, Hamba Raja, Biduanda, Inang Pengasuh, Wan, Encik, Dagang Senteri dan lain-lain. Semua yang terlibat berdasarkan kedudukan dan darjat masing-masing.

4.1 Terdapat pelbagai adat istiadat yang didiskripsikan di dalam Adat Raja-Raja Melayu, seperti istiadat dan upacara mengenai kehamilan, khususnya istiadat melenggang perut, istiadat bersalin dan menamakan anak dan istiadat bercukur. Terdapat istiadat raja mengahwinkan anakanda, dari istiadat merisik, isyafat menghantar sirih, istiadat pertunangan, perarakan sirih junjung dan segala hantaran; istiadat sebelum istiadat pekahwinan meliputi adat berjaga-jaga, berinai kecil dan besar, istiadat pernikahan, istiadat perarakan pengantin dan mandi sampat. Terdapat juga istiadat nobat semasa pertabalan, istiadat membayar nazar, istiadat kemangkatan, dan istiadat-istiadat hari peringatan yang meliputi hari ketiga membakar apam, hari ketujuh membakar memasak nasi kebuli, menanam batu nisan, selain hari seratus dan peringatan setiap tahun.

Terdapat juga diskripsi adat raja hendak sembahyang Jumaat, adat raja berangkat

mengerjakan sembahyang Hari Raya dengan usungan, adat raja bekerja - Penghulu Bendahari diperintah untuk mengatur kerja di Balai Rong Seri, manakala Penghulu Balai ditugaskan menghias Balai. Adat Raja mengerjakan sembahyang terawih, adat malam dua puluh tujuh likur, adat mengarak sejadah ke masjid, adat mengarak serban, adat raja berhari raya, adat mengadap nobat bulan Ramadhan dan Syawal.

4.2 Di dalam Adat Istiadat Raja-Raja Melayu terdapat satu Fasal yang bernama Fasal Mulanya Nama Melayu. Kapitan Zainuddin selaku pengarang mendapat maklumat tersebut dari seorang Riau yang bernama Abdul Arif. Sesiapa jua yang membaca fasal ini akan dapat memahami dan mentafsir akan makna tatasusila, beradat, beradab, berbudaya dan bertamadun serta orang yang berbangsa. Secara harfiah saya petik fasal tersebut:-

“ Fasal pada menyatakan, ada-nya erti Melayu ini ada-lah ia melayukan diri-nya ia-itu yang di-ibaratkan orang dahulu kala daripada erti Melayu, ada-lah saumpama puchok kayu yang melayukan diri-nya dan bukan lahu-nya itu kerana kena panas atau api. Bahasa-nya dengan sahaja2 ini jua yang melayukan diri-nya , yaani ia merendahkan diri-nya dan tiada ia mahu membesarkan diri-nya, baik daripada adab tertib-nya atau daripada bahasa peratoran-nya ataj daripada adab makan minum-nya dan perjalanan-nya dan kedudukan-nya sama ada didalam majlis atau pada tempat yang lain. Maka daripada perkara itu, tiada di-perbuat-nya itu dengan mamang, melainkan adalah dengan perangai-nya yang lemah lembut, tiada dengan berlebihan-lebihan dan dengan kekurangan itu-lah ada-nya.

Shahadan maka lagi ada-lah yang dikehendaki oleh istiadat orang Melayu itu dan di-bilangkan anak yang majlis, ia-itu apabila ada ia mengada ia atas su-suatu kelakuan melainkan dengan pertengahan jua ada-nya, ya'ani daripada segala kelakuan dan perbuatan dan pakaian dan perkataan dan makanan dan perjalanan-nya sakalian itu tiada dengan berlebihan-lebihan dan kekurangan melainkan sekalian di-adakan-nya dengan keadaan yang sederhana jua ada-nya. Maka orang itu-lah yang di-bilangkan anak yang majlis; tambahan pula dengan adab pandai ia menyimpankan diri-nya, maka berlebihan2 lendib atau sidib ada-nya, seperti kata hukama: “Hendak-lah kamu hukumkan kerongkongan kamu di dalam majlis makan dan hukumkan mata-mu tatkala melihat perempuan dan tegohkan lidah-mu daripada banyak perkataan yang sia2 dan tulikan telinga-mu daripada perkataan yang keji2”. Maka apabila sampai-lah sa-saorang kepada segala syarat ini , ia-itu-lah orang yang majlis nama-nya dan demikian lagi perkataan segala orang yang ‘arif budiman kepada hamba yang dhaif ini.’.

Apa yang diungkapkan oleh Kapitan Zainuddin di dalam Adat Raja -Raja Melayu bukanlah satu rakaman mengenai ciri-ciri fizikal atau tempat asal usul tetapi lebih merupakan catatan mengenai adat, adab, perangai, tingkah laku, peribadi, perlakuan dan pengucapan. Satu catatan yang non-fizikal yang merupakan aspek dalaman diri orang Melayu. Satu kenyataan yang menggambarkan perwatakan atau karektor Melayu yang cukup khas. Beberapa perkara yang menarik untuk direnungkan pada saat orang Melayu sedang menghadapi krisis ketakpercayaan terhadap bahasa mereka, krisis keyakinan terhadap sebahagian besar nilai teras diri mereka, krisis budaya terhadap jati diri dan identiti mereka. Antaranya:-

- a. melayukan diri - iaiti merendahkan diri, tiada mahu membesarkan diri, baik dari segi adab-tertib, bahasa pertuturan, adab makan dan minum, perjalanan dan kedudukan.
- b. tidak mamang - iaitu lemah lembut (tidak kasar), tidak berlebihan-lebihan, tidak

berkurangan.

- c. anak atau orang yang majlis - pertengahan atau sederhana sama ada dari segi perlakuan, perbuatan, perkataan, pakaian, makanan dan perjalanan.
- d. adab pandai menyimpan diri - pandai mengawal diri, mengawal tutur kata, mengawal perlakuan.

Fasal berkenaan mengemukakan ciri atau sifat-sifat keunggulan keperibadian atau perwatakan kemelayuan. Frasa ‘melayukan diri’ dan ‘anak yang majlis’ merupakan penkonsepsian kepada keunggulan akhlak dan budi pekerti Melayu. Persepsi pengarang terhadap watak unggul Melayu itu terpancar ke dalam maksud bahawa Melayu itu sama ada rajanya, pembesarnya dan orang kebanyakan sekali pun beradat, beradab, berakhlak dan beretika. Sesuai dengan dengan penkonsepsian tersebut terdapat satu konsep yang sudah sehati dengan Melayu, malah sudah merupakan falsafah dan ideologi Melayu yang mendasari kemelayuan iaitu ‘budi’.

Budi merupakan satu konsep yang menggambarkan alam jiwa yang mengawal dan mengatur pemikiran, perasaan, pertimbangan dan keputusan, akhlak dan perilaku serta tutur kata dan pengucapan. Budi adalah pancaran hikmah yang menerangkan untuk membuat pilihan yang benar atau yang batil, yang halus atau yang kasar, yang baik atau yang salah, dan sebagainya. Lantaran itu budi ialah struktur atau struktur-struktur batiniah dan lahiriah Melayu yang terpancar dari pancaran hikmah yang maha tertinggi iaitu Allah s.w.t.

Dalam hal demikian ‘akal budi’, ‘hati budi’, ‘budi bicara’ merupakan alam fikiran yang menentukan kewarasan akal dan kejernihan perasaan hati dan kalbu untuk membuat keputusan, pertimbangan dan tindakan yang benar, betul lagi bijaksana. Manakala ‘budi pekerti’ dan ‘budi bahasa’ merupakan amalan, perlakuan dan pengucapan tutur kata yang menggambarkan keluhuran akal budi, hati budi dan budi bicara. Lantaran itu ‘melayukan diri’ dan ‘anak yang majlis’ ialah satu keseluruhan dari struktur batiniah dan lahiriah. Struktur lahiriah tersebut dapat dilihat dan dikesani dari pengucapan dan tutur kata serta sambaan cakap, tata susila dan tata tertib, kesantunan, adab, adat, resam, fi’l, perilaku dan perlakuan, perangai, tindakan dan keputusan, atau keseluruhan perlakuan fizikal manusia yang berlaku di pelbagai tahap interaksi sosial dan komunikasi setiap insan.

Konsepsi ‘melayukan diri’ dan ‘anak yang majlis’ ialah konsepsi yang menjelaskan watak manusia Melayu yang ‘budiman’. Penerapan nilai budiman bertujuan untuk melahirkan manusia Melayu yang bermoral, beretika, berakhlak, berhati mulia, beradat, beradab, berakal, berilmu, bijaksana tahu membalas budi, cukup ajar, dan yang paling penting beriman dan bertakwa kepada Allah s.w.t. Maka oleh kerana itu ‘melayukan diri’, ‘anak yang majlis’, ‘budi’ dan ‘budiman’ ialah teras kemanusiaan, moraliti dan etika Melayu yang berpaksikan ketauhidan dan ketuhanan. Perwatakan atau ciri keunggulan Melayu inilah yang mampu meletakkan kembali darjat, martabat dan harkat manusia Melayu di tempat tertinggi dunia dan akhirat. Ciri keunggulan inilah yang menjadikan Melayu itu Melayu.

5.0 Walau pun karya agung ini mungkin tidak seindah Sulalat us-Salatin/Sulalat us-Salatin/Sulalat u’s-Salatin/Sejarah Melayu atau Hikayat HangTuah, malah Hikayat Misa Melayu, namun ia ditulis oleh seorang yang jelas diketahui namanya, iaitu Kapitan Zainudin,

seorang Kapitan Melayu semasa Belanda menduduki Kota Melaka. Beliau bukan keturunan bangsawan seperti Tun Seri Lanang dan Raja Chulan yang merakamkan adat raja lantaran mereka berada di dalam lingkungan istana. Adat Raja-Raja Melayu memberikan maklumat adat dan adat istiadat raja Melayu walau pun pengarang tidak menyatakan kerajaan atau kesultanan mana yang dirujuk sebagai sumber maklumat. Sewaktu beliau menulis dengan dibantu Lebai Muhit dari Tengker, Kesultanan Melaka telah tiada dan diganti pula dengan Kesultanan Johor dan Perak. Walau bagaimana pun maklumat adat raja pada masa itu boleh dirujuk silang dengan karya agung Melayu yang lain. Adat Raja-Raja Melayu melengkapi karya agung Melayu yang lain pada zamannya.

SUMBER BACAAN

Abdullah Siddik , 1975, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Abdul Samad Ahmad, 1979, Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu), DBP, Kuala Lumpur.

Abu Hassan Sham dan Mariyam Salim, 1995, Hukum Kanun Melaka, Perbadanan Muzium Melaka.

Hadidjaja, T, 1964, Adat Raja-Raja Melayu, Pustaka Antara Kuala Lumpur.

Hooker, M.B, 1970, *Adat Laws in Modern Malaya, Land Tenure, Traditional Government and Religion*, Oxford University Press.

Sudjiman, Panuti, 1982, Adat Raja-Raja Melayu, Penerbit Universiti Indonesia.

Wolters, O.W, 1999, *History, Culture and Region in Southeast Asian Perspective*, Cornell Southeast Asia Program Publication.